



SIARAN MEDIA

RESPONS TERHADAP KENDERAAN-KENDERAAN DAFTAR LUAR NEGARA YANG DIBAWA MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA PANDEMIK COVID-19

Bandar Seri Begawan, Isnin, 16 Ogos 2021

Merujuk kepada beberapa pertanyaan melalui laman media sosial mengenai kenderaan-kenderaan berdaftar di luar negara yang masuk ke Negara Brunei Darussalam semasa penularan wabak jangkitan COVID-19 dan penguatkuasaan Pelekat Pas Kenderaan serta pematuhan SOP-SOP bagi kemasukan warga asing yang membawa kenderaan berdaftar di luar negara (pendaftaran asing) masuk ke negara ini melalui pos-pos kawalan, Jabatan Perdana Menteri ingin memberikan penjelasan lanjut mengenainya seperti berikut:

BERKAITAN PENGUATKUASAAN PELEKAT PAS KENDERAAN DAN KENDERAAN-KENDERAAN BERPENDAFTARAN ASING YANG MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Sebagai salah satu langkah pengawalan kenderaan-kenderaan pendaftaran asing yang berada di negara ini semasa pandemik COVID-19, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) menguatkuasakan penggunaan Pelekat Pas Kenderaan pada 1 Oktober 2020 bagi tujuan mengenal pasti kenderaan-kenderaan berpendaftaran asing seperti berikut:
 - i) Kenderaan-kenderaan pendaftaran asing bagi persendirian yang telah mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk menetap di Negara ini kerana bertugas atau bagi tujuan seumpamanya yang mana pelekat pas kenderaan berwarna **biru** diberikan; dan
 - ii) Kenderaan-kenderaan pendaftaran asing bagi komersial yang memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan pengangkutan barangan-barangan pertanian, agrimakanan dan perikanan dengan kebenaran dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) dan diberikan pelekat pas kenderaan berwarna **merah**.
2. Setakat 14 Ogos 2021, perangkaan terperinci mengenai permohonan Pelekat Pas Kenderaan adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1	Permohonan pelekat BIRU yang diterima :	2,277
2	Permohonan pelekat MERAH yang diterima :	117
Jumlah Keseluruhan:		2,394
3	Permohonan pelekat BIRU yang dibenarkan :	2,209
4	Permohonan pelekat MERAH yang dibenarkan :	101
Jumlah Keseluruhan:		2,310



3. Dalam perkara ini, **Jabatan Pengangkutan Darat telah memastikan mana-mana kenderaan berpendaftaran asing milik persendirian hanya akan mendapatkan pelekat tersebut jika mempunyai kebenaran daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang masih sah.** Pelekat Pas Kenderaan ini mempunyai tempoh sah laku selama tiga (3) bulan dan hendaklah diperbaharui bagi membolehkan kenderaan-kenderaan berpendaftaran asing berkenaan membuat perjalanan di Negara ini.
4. Kegagalan mematuhi peraturan-peraturan penggunaan Pelekat Pas Kenderaan akan diambil tindakan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali. Hasil penguatkuasaan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), **sejumlah 39 kompaun telahpun dikeluarkan atas kesalahan berkaitan dengan pemasangan Pelekat Pas Kenderaan.**
5. Kenderaan-kenderaan pendaftaran asing yang dibenarkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan transit tidak dikehendaki untuk mempunyai Pelekat Pas Kenderaan. Akan tetapi, kenderaan-kenderaan ini dikehendaki untuk memaparkan lembar perjalanan (*routing sheet*) untuk menunjukkan laluan yang diberikan kebenaran khususnya pos-pos kawalan tertentu. Pemandu-pemandu kenderaan hendaklah mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan Transit yang berkuatkuasa pada masa ini.

BERKAITAN PEMATUHAN SOP-SOP BAGI KEMASUKAN WARGA ASING KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6. Merujuk kepada Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 3 September 2020 mengenai pengemaskinian tatacara permohonan mendapatkan kebenaran khas kemasukan warga asing ke Negara Brunei Darussalam, **kesemua warga-warga asing yang memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan mustahak (*essential*) sama ada melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ataupun melalui pos-pos kawalan darat dan laut adalah dimestikan untuk mematuhi peraturan-peraturan dan SOP-SOP yang sedia ada, antarlainnya:**
 - i) Mendapatkan kebenaran khas *Entry Travel Pass* (ETP) bagi kemasukan ke Negara Brunei Darussalam.



- ii) Mempunyai keputusan ujian swab COVID-19 (RT-PCR) yang negatif dan ujian tersebut hendaklah dijalani dalam tempoh 72 jam sebelum bertolak ke Negara Brunei Darussalam.
 - iii) Menjalani ujian swab COVID-19 (RT-PCR) kedua dan pengasingan diri mandatori apabila tiba di Negara Brunei Darussalam berdasarkan garis panduan dan juga penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan (MOH) semasa ketibaan ke negara ini.
7. Dalam pada itu, merujuk kepada Siaran Media Jabatan Perdana Menteri mengenai pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan bertarikh 14 Ogos 2021, **kebenaran bagi kemasukan warganegara asing melalui pos-pos kawalan darat dan laut termasuk perjalanan transit melintasi Negara Brunei Darussalam adalah ditangguhkan, kecuali** bagi kemasukan atau perjalanan *transit* yang telah diberikan kebenaran oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Penangguhan kebenaran ini dikuatkuasakan bermula dari 13 Januari 2021 berikutan peningkatan jumlah kes jangkitan COVID-19 di negara jiran dan telahpun dilanjutkan lagi sehingga 31 Ogos 2021.
8. Dengan keadaan wabak jangkitan COVID-19 yang semakin menular pada ketika ini, Jabatan Perdana Menteri ingin menekankan bahawa kesemua agensi-agensi Kerajaan sentiasa bekerjasama bagi memastikan langkah-langkah pengawalan bagi membendung penularan wabak ini diperketatkan lagi dan sentiasa dipantau termasuk pergerakan masuk dan keluar sempadan Negara Brunei Darussalam.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

7 Muharram 1443
16 Ogos 2021